

Hakim tolak pengakuan bersalah tertuduh

# Mengaku bunuh 4 ahli keluarga

Oleh SYED AHMAD ZULKARNAIN SYED ALI  
syed.zulkarnain@kosmo.com.my

**SEREMBAN** – Rasidi Ismail, 32, mengaku bersalah di Mahkamah Tinggi di sini semalam atas empat pertuduhan membunuh empat ahli keluarganya termasuk bapa dan adiknya di Kampung Batang Rokan, Gemencheh dekat sini pada 5 Januari lalu.

Rasidi yang tidak diwakili peguam membuat pengakuan itu di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Ahmad Nasfy Yasin.

Dia yang berdiri di kandang tertuduh kelihatan tenang mengangguk tanda faham dengan tuduhan yang dibacakan seterusnya mengaku bersalah.

Rasidi dituduh membunuh bapanya, Ismail Awang, 76, datuk, Atan Daud, 87, dan nenek, Sufiah Katas, 80, di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Batang Rokan, Gemencheh antara pukul 7 pagi dan pukul 11 pagi 5 Januari lalu.

Dia merupakan penganggur juga dituduh membunuh adiknya, Siti Khadijah, 22, di rumah bernombor 119, Kampung Batang Rokan pada tarikh dan waktu sama.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen



ISMAIL



SUFIAH



ATAN



SITI KHADIJAH

302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati jika sabit kesalahan.

Pengakuan Rasidi itu membuatkan ahli keluarganya yang memenuhi galeri awam terpaku manakala ibunya, Zaharah Atan kelihatan mengalirkan air mata.

Keadaan itu menyebabkan jurubahasa mahkamah menjelaskan sekali lagi pertuduhan yang membawa hukuman mati mandatori jika tertuduh benar-benar kekal dengan keputusan mengaku bersalah terhadap empat pertuduhan itu.

Namun, Rasidi yang kelihatan tenang dan tersenyum memberitahu, dia mahu mengekalkan pengakuan bersalahnya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin memohon mahkamah membenarkan tertuduh mendapatkan khidmat nasihat peguam terlebih dahulu sebelum dia membuat sebarang pengakuan seperti yang terkandung dalam Artikel 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

Ahmad Nasfy menerima permohonan pihak pendakwa raya dan membenarkan

mahkamah melantik peguam untuk tertuduh. Kata beliau, mahkamah perlu berhati-hati ketika menerima pengakuan itu dan mahu tertuduh diwakili peguam.

“Mahkamah tidak boleh menerima pengakuan yang dibuat hari ini (semalam) kerana tertuduh belum mendapat nasihat guaman.

“Mahkamah juga perlu melihat sama ada perlu menghantar tertuduh menjalani pemeriksaan mental sebelum sebarang keputusan dibuat,” kata beliau.

Ahmad Nasfy kemudian menetapkan 22 Mac ini sebagai tarikh sebutan semula kes bagi membolehkan tertuduh mendapat khidmat peguam.

Dalam kejadian mengemparkan itu, Atan, Sufiah, Ismail dan Siti Khadijah ditemui mati dalam keadaan mengerikan dengan mayat Atan ditemui putus tangan kanan, Sufiah putus tangan kiri dan Ismail pula putus kepala manakala Siti Khadijah ditemui dengan sebilah pisau terpacak di dadanya.



RASIDI yang mengaku bersalah membunuh empat ahli keluarganya di Mahkamah Tinggi Seremban semalam.



**KERATAN Kosmo!**  
6 Januari 2010.

# Ibu sedih tapi lega anak mengaku salah

SEREMBAN - "Saya sedih sebaik mendengar Rasidi mengaku bersalah, namun saya juga sebenarnya sudah menjangkakan perkara itu."

Demikian luahan, Zaharah Atan, 59, selepas anaknya, Rasidi Ismail mengaku bersalah di Mahkamah Tinggi di sini semalam atas tuduhan membunuh empat sekeluarga termasuk bapa dan adiknya di Kampung Batang Rokan, Gemencheh pada 5 Januari lalu.

Walaupun sedih, dia bersyukur dan lega kerana akhirnya Rasidi mengaku apa yang telah dilakukannya.

Namun sebagai seorang ibu, dia berdoa

agar hukuman yang bakal dijatuhkan terhadap anaknya itu akan diringankan.

"Saya tidak terkejut dengan pengakuan Rasidi malah saya bersyukur dan reda dengan keputusan tersebut.

"Kalau boleh saya mahu perbicaraan ini diselesaikan dengan segera dan saya juga sentiasa berdoa supaya hukuman terhadap Rasidi dapat diringankan," katanya.

Menurut Zaharah lagi, dalam kes tersebut Rasidi akan diwakili peguam yang dilantik oleh mahkamah kerana dia tidak mampu untuk melantik peguam bela untuk Rasidi.

Rasidi didakwa membunuh datuknya, Atan Daud, 87; neneknya, Sufiah Katas, 80; bapanya Ismail Awang, 76, serta seorang adik perempuannya, Siti Khadijah Ismail, 22, di dua buah rumah di Kampung Batang Rokan, Gemencheh pada 5 Januari lalu.

Mayat Atan ditemui putus tangan kanan manakala isterinya, Sufiah putus tangan kiri. Ismail pula putus kepala dan Siti Khadijah ditemui dengan pisau terpacak pada dadanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Nordin Ismail berkata, seseorang tertuduh yang menghadapi tuduhan membunuh dengan hukuman mati mandatori perlu dipertimbangkan tahap mental individu terbahit sebelum seseorang itu layak dibicarakan atau dihukum oleh Mahkamah Tinggi Jenayah.

Menurut beliau, itu merupakan satu prosedur biasa bagi mencerminkan keadilan mahkamah dalam mengendalikannya sesuatu kes yang melibatkan hukuman mati mandatori mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, seorang peguam berkata, tertuduh yang tidak berkemampuan melantik peguam untuk mewakilinya boleh memohon kepada mahkamah untuk mencari peguam melalui Biro Bantuan Guaman.

"Atas nasihat peguam, tertuduh boleh membuat rayuan berhubung kes yang dihadapinya dan mendapat gambaran yang jelas berhubung tindakan sewajarnya yang perlu diambil," katanya.

**Saya tidak terkejut dengan pengakuan Rasidi malah bersyukur dan reda**

**ZAHARAH**

